

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN  
[NIBONG TEBAL]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 34**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan memperincikan perancangan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan penduduk-penduduk luar bandar tidak terpinggir dalam arus perdana pembangunan manakala Kerajaan berusaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB2030) yang dilancarkan pada 27 Jun 2019 yang lalu adalah untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar dari segi ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran.

Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan program khusus untuk membantu penduduk luar bandar termasuk golongan miskin dan miskin tegar seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) serta program keusahawanan yang dilaksanakan di bawah agensi KPLB seperti KEMAS, MARA dan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar.

## **NO. SOALAN : 34**

Disamping itu, Kementerian komited meneruskan dan memperkasa strategi dan program-program pembangunan ekonomi sedia ada seperti Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK), Program Desa Harapan dan Program Desa Lestari.

Selain itu, bagi mendukung hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju dan berpendapatan tinggi, Kementerian akan meneruskan program-program berbentuk latihan dan kemahiran khususnya TVET melalui institusi pendidikan dan latihan melalui agensi di bawah Kementerian seperti MARA, KEMAS, KEDA dan PERDA. Pelaksanaan program ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 52 ribu orang peserta.

Kementerian juga sedang memberi penumpuan dalam membangunkan 28 daerah dengan pendapatan purata bulanan isi rumah di bawah RM 4 ribu berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Usaha ini akan melibatkan pelaksanaan program/ projek KPLB yang berbentuk pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan yang boleh meningkatkan kesejahteraan penduduk di daerah berkenaan dan seterusnya mengeluarkan daerah tersebut daripada kemiskinan.

Justeru, dalam usaha Malaysia menuju ke arah Negara maju dan berpendapatan tinggi serta selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar agar nikmat pembangunan Negara harus dikongsi bersama, Kementerian sentiasa memastikan agar penduduk luar bandar turut dilibatkan sama dalam arus perdana pembangunan Negara.

Sekian, terima kasih.